

KHUTBAH JUMAAT

“HARGAI NYAWA, HINDARI BAHAYA” (10 April 2026M/ 21 Syawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِالتَّقْوَى، وَجَعَلَهَا سَبَبًا لِكُلِّ خَيْرٍ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa, iaitu melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketakwaan itu, hidup kita diberkati, urusan kita dipermudahkan, dan akhir kehidupan kita dengan *husnul khatimah*.

Berikan tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Bersempena sambutan Ulang Tahun ke-80 Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, maka khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk "**Hargai Nyawa, Hindari Bahaya**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam adalah agama yang amat mementingkan keselamatan nyawa manusia. Salah satu Maqasid Syariah iaitu objektif utama syarak selepas menjaga agama ialah menjaga nyawa (حِفْظُ النَّفْسِ). Justeru, kewujudan undang-undang jalan raya dan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan merupakan satu bentuk siyasah syar'iyah iaitu pentadbiran berteraskan syarak, demi menjaga kemaslahatan dan keselamatan umum. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 195:

... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: ... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan ...

Ayat tadi jelas melarang kita melakukan perbuatan yang boleh memudaratkan diri sendiri dan orang lain. Dalam konteks jalan raya, memandu melebihi had laju, melanggar lampu isyarat, tidak memakai tali pinggang keledar, atau memandu tanpa lesen yang sah adalah perbuatan yang boleh mendekatkan diri seseorang dan orang lain kepada bahaya dan kebinasaan. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 6,537 kematian telah dicatatkan pada tahun 2025 daripada lebih setengah juta kemalangan yang berlaku.

Selain membahayakan nyawa dan hak orang lain, kesalahan-kesalahan jalan raya ini turut membawa kerugian besar kepada

negara. Berdasarkan statistik kematian dan kecederaan parah yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam laporan perangkaan kemalangan jalan raya dan Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa (IRAP), negara dianggarkan mengalami jumlah kerugian hampir RM18 bilion pada 2010, iaitu bersamaan 2.2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dan jumlah ini meningkat kepada lebih RM25 bilion pada 2023 akibat kos rawatan kemalangan, kehilangan produktiviti dan kerosakan harta benda.

Oleh itu, mematuhi undang-undang jalan raya bukan sahaja menepati prinsip Maqasid Syariah tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Kaum muslimin yang dimuliakan,

Islam adalah agama yang sangat tegas dalam soal keselamatan. Allah *subhanahu wata'ala* menurunkan syariat bukan untuk menyusahkan manusia, tetapi untuk memelihara kehidupan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu ...*

Maka, apabila Kerajaan menetapkan peraturan kenderaan dan tatacara pemanduan, tujuannya adalah demi ketertiban dan

keselamatan, dan mematuhi dengan niat menjaga keselamatan diri serta orang lain akan dicatat sebagai satu amal soleh dan ibadah. Maka, pra pemandu perlu memberikan perhatian serius terhadap tiga aspek berikut:

Pertama: Diri.

ialah kesiapsiagaan semasa memandu, pematuhan kepada semua peraturan jalan raya dan sikap positif dalam perjalanan;

Kedua: Kenderaan.

ialah kenderaan yang menepati segala peraturan teknikal, dalam memastikan keselamatan dan keselesaan dalam perjalanan; dan

Ketiga: Dokumen.

ialah dokumen yang lengkap seperti lesen, perlindungan takaful, cukai jalan dan permit berkenaan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam kerangka Maqasid Syariah, antara tujuan utama syariat Islam ialah *hifz al-nafs* (حِفْظُ النَّفْسِ), iaitu menjaga dan memelihara nyawa manusia, kerana nyawa bukan milik mutlak kita. Sebaliknya, nyawa merupakan satu amanah daripada Allah *subhanahu wata'ala* yang wajib dipelihara.

Justeru, setiap undang-undang jalan raya yang digubal seperti penetapan had laju, kewajipan pemakaian topi keledar dan tali pinggang keselamatan; serta larangan melanggar lampu isyarat merah, memotong barisan, memotong di garisan berkembar,

memandu di lorong kecemasan dan menggunakan telefon bimbit ketika memandu; semuanya selari dengan *maqasid* ini dan bukan sekadar peraturan pentadbiran. Bahkan, ia merupakan instrumen syarak untuk mencegah kemudaratan. Kaedah fiqh menyebut:

دَرَأُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Maksudnya: *Menolak kemudaratan didahulukan daripada mengambil manfaat.*

Jika pemanduan laju hanya memberikan kepuasan sementara tetapi berisiko meragut nyawa, maka Islam mendahulukan pencegahan mudarat tersebut.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Seorang Muslim sejati bukan hanya dikenali melalui solat dan ibadahnya, tetapi melalui akhlaknya dalam kehidupan bermasyarakat. Pematuhan terhadap undang-undang jalan raya merupakan cerminan disiplin, tanggungjawab serta ihsan terhadap diri dan orang lain. Hal ini selari dengan hadis daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ))

Maksudnya: *Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh memudaratkan orang lain.*

(Hadis riwayat Imam Ibn Majah)

Hadis tadi meletakkan asas bahawa setiap tindakan kita hendaklah bebas daripada unsur membahayakan, termasuk ketika berada di jalan raya.

Justeru, marilah kita memperbaharui adab kita di jalan raya dengan memulakan perjalanan dengan berdoa agar diberkati, mengamalkan sikap bertolak ansur dan kesabaran supaya emosi tidak menguasai diri hingga mencetuskan pergaduhan atau pembulian jalan raya, serta memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat. Semua ini adalah sebahagian daripada ikhtiar sebelum kita bertawakal kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati dan mengambil pengajaran daripada khutbah yang disampaikan:

Pertama: Kewujudan undang-undang jalan raya dan agensi penguatkuasaan merupakan satu bentuk *siyasaḥ syar'iyyah* iaitu pentadbiran berteraskan syarak, demi menjaga kemaslahatan dan keselamatan umum.

Kedua: Setiap Muslim dituntut untuk menjaga keselamatan diri dan orang lain dengan mengelakkan kecuaiian serta bertindak secara berhemah dalam setiap keadaan.

Ketiga: Patuhilah undang-undang jalan raya sebagai amanah iman kerana setiap tindakan kita melibatkan nyawa manusia yang wajib dipelihara.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 195:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ. وَأَحْسِنُوا. إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (١٩٥)

Maksudnya: *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati, ziarah-menziarahi dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya

membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal

Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.